



TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SERI SAARANI BIN MOHAMAD
MENTERI BESAR PERAK**

SEMPENA

**MAJLIS PECAH TANAH PROJEK IPOH SENTRAL OLEH YAB
PERDANA MENTERI**

TARIKH:

16 OGOS 2025 (SABTU)

MASA:

2.25 PETANG

TEMPAT:

PEKARANGAN STESEN KERETAPI IPOH

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam Perak Sejahtera 2030.

Bismillahirrahmanirrahim.

Terima kasih saudara / saudari Pengerusi Majlis.

[SALUTASI]

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana berkat limpahan rahmat dan kasih sayang-Nya jua, kita dipertemukan pada hari yang penuh bersejarah ini — untuk sama-sama menyaksikan detik bermulanya Projek Ipoh Sentral – mercu tanda baharu yang bakal menjadi nadi kemajuan dan denyut kehidupan bagi warga Ipoh, bahkan seluruh rakyat negeri Perak.
2. Mewakili sekalian rakyat Negeri Perak, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Perdana Menteri yang sudi hadir, memberi sokongan padu terhadap pembangunan berskala besar ini. Sesungguhnya, sokongan berterusan ini adalah cerminan eratnya ikatan antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan — dua sinergi yang berpadu, dua tekad yang seiring — demi memastikan setiap rencana pembangunan dapat direalisasikan, demi kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat.

3. Tidak dilupakan, setinggi-tinggi penghargaan turut saya zahirkan kepada YB Anthony Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan, bersama seluruh pasukannya — yang telah mencurahkan setulus komitmen dan iltizam, demi menjayakan projek ini. Sesungguhnya, setiap langkah yang diatur ibarat titian yang menghubungkan impian rakyat dengan kenyataan, mengikat harapan hari ini kepada masa depan yang lebih makmur dan sejahtera.
4. Penghargaan yang setinggi-tinggi dan setulusnya juga saya tujukan kepada semua rakan strategik, sektor kerajaan, swasta, pihak berkuasa tempatan, serta komuniti setempat yang telah memberikan sokongan padu untuk menjayakan projek ini. Sokongan ini memberi keyakinan bahawa usaha yang kita mulakan hari ini akan menjadi pemangkin kemajuan yang dirasakan oleh semua lapisan rakyat. Insya Allah.

YAB Dato' Seri, Dato'-Dato', tuan-tuan, puan-puan, hadirin yang saya hormati sekalian

5. Pembangunan Ipoh Sentral ini bukan sekadar satu mercu tanda baharu. Ia bukan sahaja bakal membawa perubahan besar kepada wajah bandar raya Ipoh, tetapi melambangkan era transformasi menyeluruh baik dari aspek ekonomi, sosial, budaya, dan kelestarian alam.

6. Ia adalah terjemahan kepada falsafah “**Rakyat Disantuni**” yang menjadi tunjang kepimpinan negara — bahawa setiap pembangunan tidak sekadar berdiri sebagai mercu tanda fizikal, tetapi mesti mengalirkan manfaat terus ke sanubari dan kehidupan rakyat. Sama ada membuka pintu rezeki melalui peluang pekerjaan, menghamparkan ruang untuk perniagaan berkembang, mahupun menyuburkan keyakinan bahawa kemajuan ini akan menjadi obor yang menerangi masa depan negeri dan negara.
7. Projek ini dibangunkan berteraskan konsep *Transit Oriented Development* (TOD) — suatu pendekatan pembangunan yang menyatukan nadi rangkaian pengangkutan awam dengan perancangan bandar yang rapi dan tersusun. Melalui integrasi ini, kemudahan, aktiviti ekonomi, dan ruang kehidupan dirangka agar saling melengkapi, membentuk ekosistem yang memudahkan gerak manusia, menghidupkan ekonomi setempat, serta memperindah pengalaman hidup di bandar.
8. Ia akan menghubungkan pengangkutan rel, bas, dan pelbagai kemudahan awam dengan lancar, sambil memacu pertumbuhan ekonomi, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, merancakkan sektor pelancongan, memperkukuh keusahawanan tempatan, dan seterusnya mengangkat kedudukan Ipoh sebagai bandar moden, berdaya saing, dan berdaya huni.

9. Natiyahnya dari segi kemanusiaan amatlah besar. Sepanjang tempoh pembinaan, **projek ini bakal membuka ribuan peluang pekerjaan** — bukan sahaja untuk tenaga mahir, malah untuk pekerja tempatan dalam pelbagai bidang yang menyokong kelancaran pembangunannya. Sesudah siap, ia akan terus berdenyut sebagai pemangkin ekonomi; menggerakkan sektor perkhidmatan, menyuburkan keusahawanan belia, serta mengukuhkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Inilah pembangunan yang tidak hanya membina bangunan, tetapi membina kehidupan.
10. **Para usahawan tempatan, penggiat seni, pengusaha makanan dan peniaga kecil akan menerima limpahan manfaat** daripada arus kemasukan pengunjung dan pengguna perkhidmatan pengangkutan di sini.
11. Dalam soal ini, saya dan rakan-rakan dalam Kerajaan Negeri sepakat bahawa pembangunan ini **mengutamakan pendekatan *community-first*. Tiada penempatan yang akan diganggu atau dipindahkan**, sebaliknya projek ini akan membawa nilai tambah serta mengangkat taraf hidup penduduk setempat.
12. Kawasan warisan, rumah ibadat dan tapak budaya akan terus dipelihara dengan wujudnya satu **zon spiritual berbilang budaya yang unik**. Tapak rumah ibadat sedia ada dan sekolah dikekalkan manakala sebuah masjid baharu akan dibina untuk memenuhi keperluan komuniti Islam yang semakin berkembang.

Inilah citra Malaysia yang kita banggakan, kemajuan yang tidak mengorbankan keharmonian.

13. Di tengah-tengah pembangunan ini pula, akan terletak **Sentral Square**, sebuah dataran terbuka yang akan menjadi pentas seni, budaya dan festival. Di sinilah denyut nadi masyarakat bandar raya akan berinteraksi, berkarya dan meraikan kepelbagaian. **Landskap hijau, laluan basikal, taman rekreasi, dan ruang awam yang dinaik taraf akan mewujudkan persekitaran bandar yang sihat, selamat dan mesra keluarga.**
14. Saya dimaklumkan, bagi pembangunan **fasa pertama**, kita akan membangunkan **taman landskap berskala besar** yang akan menjadi pusat pertemuan rakyat — tempat keluarga beriadah, komuniti berinteraksi, dan anak muda beraktiviti. **Ini adalah nadi awal yang akan menghidupkan Ipoh Sentral sebelum fasa-fasa seterusnya menyusul.**
15. Pembangunan Ipoh Sentral ini juga **selari dengan teras MADANI iaitu kemampanan**. Ia mengimbangi kemajuan fizikal dengan kelestarian alam. Di sini, bangunan moden bergabung harmoni dengan kawasan hijau, mempamerkan citra Malaysia yang unik dan maju, namun berakar pada nilai dan warisan.
16. Seiring dengan itu, Kerajaan Negeri telah merancang **12 Taman Rekreasi MADANI (TRM)** di sekitar Ipoh, dengan **peruntukan RM5.4 juta.**

17. Projek TRM ini akan melengkapkan landskap dan taman di Ipoh Sentral, menyediakan wadah rekreasi yang kondusif, menggalakkan interaksi sosial dan memperkukuh ikatan komuniti. Gabungan Ipoh Sentral dan TRM akan membentuk rangkaian ruang awam yang harmoni, inklusif, dan mudah diakses oleh semua lapisan masyarakat.

YAB Dato' Seri, Dato'-Dato', tuan-tuan, puan-puan, hadirin yang saya hormati sekalian

18. Seperkara yang pasti, kejayaan projek ini tidak mungkin tercapai tanpa terjalinnya hubungan erat dan saling percaya antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Dalam mana-mana wacana, saya selalu menegaskan bahawa kekuatan pembangunan terletak pada kerjasama yang padu dan penyelarasan yang rapi di setiap peringkat — agar setiap projek bukan sekadar siap dibina, tetapi memberi manfaat yang maksimum dan berkekalan kepada rakyat.
19. Berpegang kepada semangat itu, Kerajaan Negeri Perak telah membuka jalan selebar-lebarnya — memudahcara proses kelulusan, menyempurnakan perancangan, dan menyediakan infrastruktur sokongan dengan penuh ketelitian. Semuanya demi memastikan pembangunan ini dapat berjalan lancar, siap dengan hasil yang menjadi kebanggaan negeri dan nikmat yang dapat dirasakan setiap lapisan rakyat.

20. Bayangkan, lima atau sepuluh tahun dari sekarang, **Ipoh Sentral akan menjadi pusat kehidupan bandar yang moden dan inklusif**. Anak-anak muda berpeluang bekerja di sektor baharu, para peniaga tempatan mendapat pasaran lebih luas, pelancong menjadikan Ipoh sebagai destinasi persinggahan utama. Setiap kali orang menyebut nama Ipoh, mereka terbayang sebuah bandar raya yang tersusun, berdaya saing, dan berbudaya tinggi.
21. **Seperti mana KL Sentral telah mengubah wajah Brickfields, Ipoh Sentral akan menjadi titik perubahan besar bagi bandar raya Ipoh** — memodenkan wajahnya, membuka pintu peluang baharu, membina keyakinan warga, dan memperkukuh identiti sebagai sebuah bandar yang hidup, tumbuh dan berkembang seiring dengan nadi kemajuan negara.
22. Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Perdana Menteri kerana sudi meluangkan masa hadir menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Ipoh Sentral ini. Kehadiran YAB menjadi simbol kesatuan tekad antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan. Inilah tanda bahawa kita berpadu tenaga dan hati, demi mengangkat visi dan harapan rakyat — demi membina negara yang lebih maju, rakyat yang lebih sejahtera, dan masa depan yang lebih cerah untuk diwariskan kepada generasi seterusnya.

Sekian, wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.